

'Perkhidmatan awam terjejas jika Dewan tak lulus'

Kuala Lumpur: CUEPACS berharap Belanjawan 2021 dapat diluluskan demi manfaat sistem penyampaian perkhidmatan awam secara keseluruhan.

Presidennya, Adnan Mat, berkata ketika ini, kerajaan memberi penekanan agar penjawat awam dan sektor perkhidmatan kerajaan menjadi pemudah cara kepada rakyat supaya mereka dapat keluar daripada kemelut ekonomi.

Sehubungan itu, katanya, CUEPACS berharap semua pihak di blok pembangkang dan kerajaan dapat mencari titik persefahaman dalam isu Belanjawan 2021.

"Titik persefahaman terbabit adalah rakyat. Rakyat keutamaan kepada semua pihak ketika ini kerana hampir semua menerima kesan daripada penularan pandemik COVID-19.

"Jika sektor perkhidmatan awam terjejas akibat Belanjawan 2021 (tidak diluluskan), ia juga memberi kesan keseluruhan kepada negara," katanya.

Adnan berkata, Belanjawan 2021 bukan semata-mata menge-

nai gaji penjawat awam kerana ia membabitkan kepentingan semua pihak, khususnya rakyat.

Katanya, penjawat awam mempunyai tugas penting ketika ini, iaitu memastikan usaha mencegah penularan COVID-19 berjaya dilaksanakan.

Beliau berkata, jika peruntukan untuk kedua-dua perkara itu tidak diterima, sudah pasti penjawat awam sukar melaksanakan usaha menangani penularan COVID-19, selain memastikan ekonomi negara kembali pulih untuk kesejahteraan hidup rakyat.

Selain itu, katanya, ia juga akan mendedahkan petugas barisan hadapan yang sedang berhadapan secara langsung dengan COVID-19 kepada risiko yang tinggi.

"Jika belanjawan ini gagal diluluskan, ia ibarat menghantar penjawat awam ke medan perang tanpa kelengkapan dan senjata mencukupi.

"Akhirnya segala usaha dan keringat kita semua tidak memberi kesan yang kita mahukan. Dalam hal ini, rakyat juga akan terkesan

Jika belanjawan ini gagal diluluskan, ia ibarat menghantar penjawat awam ke medan perang tanpa kelengkapan dan senjata mencukupi.

Adnan Mat,
Presiden CUEPACS



kerana keselamatan dan kesejahteraan hidup mereka juga bergantung kepada kejayaan negara bebas daripada COVID-19," katanya.

Sementara itu di **Kangar**, Persekutuan Melayu Negeri Perlis (PEMANIS) meminta semua Ahli Parlimen, khususnya pemimpin Melayu memberi sokongan terhadap

Belanjawan 2021 agar rakyat tidak menjadi 'mangsa politik'.

Yang Dipertuannya, Datuk Mohd Zain Hamzah, berkata sebagai pemimpin masyarakat, Ahli Parlimen perlu melupakan seketika perbezaan ideologi politik agar tidak menambah beban rakyat yang dihipit kesusahan akibat

keadaan ekonomi tidak menentu kesan penularan COVID-19.

"Jangan jadikan rakyat sebagai 'mangsa politik' kerana kepentingan diri. Kita semua bimbang jika Belanjawan 2021 yang dibentangkan kerajaan di Dewan Rakyat pada 6 November lalu tidak diluluskan, ia memberi kesan besar kepada rakyat dan negara.

"Belanjawan 2021 ternyata banyak memberi manfaat kepada orang Melayu yang terbabit dalam sektor pertanian, nelayan, peniaga kecil dan penoreh getah," katanya.

Katanya, apa yang lebih merisaukan jika Belanjawan 2021 tidak diluluskan, ia akan menjejaskan pembayaran gaji kepada 1.6 juta kakitangan awam akibat wang negara tidak boleh dikeluarkan.

"Kita tidak mahu catatan 'hitam' terukir dalam lipatan sejarah negara apabila buat kali pertama belanjawan negara tidak diluluskan akibat sikap rakus wakil rakyat yang lebih mementingkan cita-cita politik daripada kepentingan rakyat," katanya.

BERNAMA